

Headline **Usahawan tani disasar hasilkan RM2.4 bilion**
Date **23. Jun 2008** Language **MALAY**
Media Title **Utusan Malaysia** Page No **16**
Section **Dlm Negeri** Article Size **133** cm2
Circulation **238082** Frequency **Daily**
Readership **833287** Color **Full Color**



Usahawan tani disasar hasilkan RM2.4 bilion

BACHOK 22 Jun - Program Pembangunan Usahawan Asas Tani yang diwujudkan ke arah melahirkan 10,000 usahawan baru dalam sektor pertanian dijangka mampu menjana hasil bernilai RM2.4 bilion pada tahun 2010.

Sehubungan itu Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Mariam Mas Yacob berkata, nilai pendapatan setiap peserta dijangka meningkat dari RM2,000 kepada RM4,100 sebulan.

Beliau berkata, matlamat untuk mencapai pendapatan itu akan dilakukan menerusi usaha berterusan dengan meningkatkan nilai tambah sektor pertanian menerusi program pembangunan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

"Namun ia memerlukan komitmen yang tinggi dari seluruh warga kerja Kementerian di semua peringkat termasuk Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dan peserta sendiri," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis perasmian Seminar Transformasi Industri Cili di Villa Daniella di sini hari ini.

Seminar itu dirasmikan oleh Setiausaha Politik, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dr. Azmi Setapa sebagai mewakili Menteri, Datuk Mustapha Mohamed.

Seramai 150 peserta dari Kelantan, Terengganu dan Perak mengikuti seminar berkenaan yang melibatkan aspek amalan agronomi cili, pengurusan perosak tanaman dan klinik tanaman cili.

Mariam berkata, usaha dan pelaksanaan ini adalah penting kerana beban tugas yang diamanahkan kepada setiap petugas dalam memajukan sektor pertanian merupakan satu tugas cukup besar dan amat mencabar.

"Kita dipertanggungjawabkan untuk menggerakkan segala program pembangunan kepada kumpulan sasaran iaitu masyarakat peladang dan petani secara menyeluruh," katanya.

Katanya, kerjasama dan kepimpinan di semua peringkat termasuk akar umbi amat diperlukan bagi merancang, melaksanakan, membimbing dan membantu petani dalam meningkatkan taraf hidup dengan falsafah sektor pertanian adalah satu perniagaan.